

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini adalah percuma dan terbuka kepada semua Warganegara Malaysia (Individu, Pelajar IPTA & IPTS serta firma perunding Arkitek dan Arkitek Landskap
2. Rekabentuk Jambatan Emas Gunung Ledang perlulah mempunyai konsep tersendiri dengan mengikut komponen asas Jambatan yang disokong oleh teks penerangan dan anggaran kos.
3. Rekabentuk Jambatan Emas perlulah mempunyai ciri-ciri unik yang beridentitikan Sejarah Peminangan Puteri Gunung Ledang.
4. Rekabentuk juga perlu mengambilkira rekabentuk taman permainan kanak-kanak, kerusi duduk, papantanda informasi, tanaman berbunga dan lain-lain idea yang menarik serta mengekalkan Tempat Letak Kereta (TLK) sediaada.
5. Cadangan rekabentuk adalah perlu mengambilkira Gunung Ledang sebagai latar belakang rekabentuk.
6. Rekabentuk asli dan tidak ditiru/tidak mengandungi elemen sensitif termasuk keagamaan, perkauman dan politik.
7. Peserta digalakkan menyediakan 3D model Fizikal tertakluk pada kreativiti peserta.
8. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan sekiranya didapati pihak peserta tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
9. Penilaian akan dinilai oleh juri yang akan dilantik oleh Majlis Daerah Tangkak Keputusan penjurian adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
10. Segala kos yang ditanggung untuk menyertai pertandingan ini adalah di bawah tanggungan peserta dan tidak boleh dituntut kepada penganjur.
11. Rekabentuk ciptaan peserta akan menjadi hak milik MDT sepenuhnya dan MDT berhak ke atas pindaan rekabentuk tersebut.
12. Tiada had penyertaan untuk setiap peserta dan rekabentuk perlu dikemukakan hendaklah bersaiz A1 Board termasuk pelan konsep dan rekabentuk, lukisan pembinaan, cadangan perspektif serta lain-lain yang berkaitan .
13. Dokumen 'hardcopy' dan 'softcopy' (CD/ Thumb drive) boleh dihantar ke Jabatan Perancangan Bandar Dan Landskap, MDT sebelum atau pada 14 Februari 2025 (Jumaat).
14. Dokumen penyertaan yang diterima selepas tarikh tersebut, tidak akan dipertimbangkan.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

15. Peserta-peserta boleh mengambilkira ciri-ciri berikut dalam penghasilan rekabentuk cadangan :-
- I. Cadangan perlu mempunyai 3 jenis jambatan iaitu jambatan emas, jambatan perak dan jambatan gangsa.
 - II. Fungsi jambatan emas untuk laluan naik manakala jambatan perak untuk laluan turun dan jambatan gangsa bagi tujuan laluan kecemasan.
 - III. Jarak antara 3 jenis jambatan tersebut adalah bersaiz 1 kaki.
 - IV. Cadangan rekabentuk jambatan perlu mengambilkira keseluruhan tapak cadangan.
 - V. Cadangan perlu mempunyai gerbang utama (pintu masuk jambatan) yang berkonsepkan ciri-ciri Lagenda Puteri Gunung Ledang.
 - VI. Rekabentuk lantai dibina rata dan 'handrailing' (pemegang kanan & kiri) berbentuk gunung dan keseluruhan struktur tangga dihiasi dengan corak dekorasi bunga.
 - VII. Kelebaran saiz jambatan hanya memuatkan laluan seorang pengguna sahaja.
 - VIII. Laluan naik perlu berada di sebelah kiri dan laluan turun berada di sebelah kanan.